

PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG TUBUH TABUNG KHAIRAT KEMATIAN KARIAH MASJID DARUSSALAM BATU 13 ½ 47100 PUCHONG SELANGOR

TUJUAN PENUBUHANNYA:

Sebagai sebuah badan, tabung ini dianggotai oleh ahli kariah Masjid Darussalam. Tujuan diadakan permuafakatan yang dinamakan TABUNG KHAIRAT KEMATIAN ini adalah untuk membantu ahli kariah meringankan beban apabila keluarga ahli khairat mendapat musibah kematian. Peraturan-peraturan dan undang-undang 'Tabung Khairat Kematian Masjid Darussalam' adalah seperti berikut:

1. NAMA BADAN:

'TABUNG KHAIRAT KEMATIAN MASJID DARUSSALAM PUCHONG'

2. ALAMAT PEJABAT

Masjid Darussalam
Batu 13 ½ Kg Pasir
47100 Selangor

3. KEAHLIANNYA

- 3.1 Pemohon hendaklah mengisi borang khairat kematian dan diluluskan permohonannya.
- 3.2 Beragama Islam.
- 3.3 Berumur 18 tahun ke atas.
- 3.4 Membayar yuran tahunan sebelum 31hb Mac setiap tahun.
- 3.5 Jika ahli meninggal dunia, pasangan/waris secara automatik akan menjadi pengganti sebagai ahli.
- 3.6 Wang yuran tahunan tidak akan dikembalikan sekiranya ahli menarik diri. Walau bagaimanapun beliau masih berhak menerima bantuan khairat kematian sehingga 31hb Disember tahun berkenaan sekiranya telah membayar yuran sebelum 31hb Mac tahun tersebut.
- 3.7 Taraf keahlian akan luput setelah dua tahun berturut-turut gagal menjelaskan yuran tahunan.

4. JAWATANKUASA TADBIR

Tabung Khairat Kematian ini ditadbirkan oleh Jawatankuasa Masjid yang terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan berikut:

1. Nazir
2. Timbalan Nazir
3. Setiausaha
4. Bendahari
5. Pegawai Masjid
6. Ahli Jawatankuasa

5. YURAN TAHUNAN

- 5.1 Yuran tahunan adalah sebanyak RM50 setahun.
- 5.2 Yuran hendaklah dijelaskan mulai 1hb Januari sehingga 31hb Mac setiap tahun.
- 5.3 Seorang ahli yang gagal membayar yuran sebelum atau pada 31hb Mac tidak layak menerima bantuan khairat .

6. KUTIPAN YURAN DAN PENYIMPANANNYA

Wang yang dikumpul dinamakan wang 'Tabung Khairat Kematian'. Wang ini tidak boleh digunakan untuk hal-hal lain kecuali mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan Masjid Darussalam.

- 6.1 Tanggungjawab ahli membayar yuran tahunan kepada Bendahari atau wakil-wakilnya.
- 6.2 Setiap bayaran akan dikeluarkan resit rasmi dalam tempoh selewat-lewatnya tiga bulan. Wang yuran dikumpulkan bersama-sama dalam Akaun Bank Masjid Darussalam dengan penyata kira-kira yang berasingan.

7. BANTUAN WANG KHAIRAT

- 7.1 Seseorang ahli atau warisnya berhak menerima bantuan khairat kematian berupa wang tunai apabila berlakunya kematian selepas 14 hari keahlian diluluskan.
- 7.2 Jumlah bantuan khairat kematian adalah seperti berikut
 - 7.2.1 Ahli **RM1,500.00**
 - 7.2.2 Pasangan **RM1,500.00**
 - 7.2.3 Anak dibawah 21 tahun atau anak-anak **RM 750.00**
dalam tanggungan (OKU/sakit berpanjangan)
 - 7.2.4 Orang Islam yang meninggal dunia **RM 750.00**
di rumah ahli (menetap atau dalam jagaan ahli lebih daripada satu tahun)

- 7.3 Sekiranya urusan jenazah dibuat di Masjid Darussalam sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya, jumlah bantuan wang khairat akan diberikan setelah ditolak kos-kos yang terlibat.
- 7.4 Tempoh menuntut dan pemberian bantuan adalah dalam tempoh 40 hari dari tarikh kematian dengan mengemukakan bukti sijil kematian yang asal atau fotostat kepada Bendahari atau wakilnya.
- 7.5 Bantuan wang khairat akan diberikan kepada penama/waris yang telah didaftarkan.
- 7.6 Bantuan wang khairat akan diberikan sekali sahaja untuk satu sijil kematian. Jika dalam satu rumah terdapat ahli khairat yang lain, bantuan akan diberikan sekali sahaja kepada penama/waris bantuan khairat tertinggi.
- 7.7 Jumlah bantuan khairat yang diberikan adalah terhad kepada tiga (3) kematian dalam satu tahun untuk sesebuah keluarga ahli.

NOTA:

Sebarang pindaan terma tertakluk kepada Mesyuarat Agung Tahunan Masjid Darussalam.